

Gagal kemuka dokumen

■ APMM tahan kapal dagang berlabuh tanpa kebenaran

Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@hmetro.com.my

Johor Bahru

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah kapal dagang asing yang berlabuh tanpa kebenaran di perairan Tanjung Piai, dekat Pontian, kelmarin.

Dalam kejadian jam 2 petang, kapal dagang MV Vighnharta dikesan bersauh di kedudukan 4 batu nautilika tenggara Tanjung Piai.

Timbalan Pengarah (Operasi) Daerah Maritim Johor Bahru Koman-der Maritim Iskandar Ishak

berkata, kapal terbabit dikesan ketika bot peronda APMM menjalankan tugas Operasi Satria Selatan atau Operasi Zuhul di perairan Johor Barat.

"Kami memeriksa kapal yang berdaftar di India itu dan menahan kapal terbabit atas kesalahan mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar



FAKTA

Temui 27 kru warga India berusia antara 24 hingga 69 tahun

Kapal dagang yang bersauh tanpa kebenaran, di Perairan Tanjung Piai, kelmarin.

1952," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, ketika pemeriksaan, kapal terbabit gagal mengemukakan dokumen kebenaran bersauh daripada Pengarah Jabatan Laut Malaysia untuk berlabuh dan kapal itu juga didapati melakukan kesalahan berlabuh di kawasan larangan bersauh

di had pelabuhan Tanjung Pelepas, di sini.

Selain itu, katanya, kapal itu juga gagal memaklumkan ketibaan kepada mana-mana pihak berkuasa perairan Malaysia ketika ditahan.

Menurut Iskandar, kapal terbabit dipercayai dari Mumbai ke Singapura dan pemeriksaan terhadap kapal itu menemui 27 kru warga India berusia antara

24 hingga 69 tahun.

"Empat daripada kru itu dibawa ke pejabat APMM Daerah Maritim Johor Bahru untuk siasatan.

"Pemilik kapal boleh didakwa mengikut Seksyen 491B(1)(L) Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952 kerana berlabuh tanpa kebenaran dan Seksyen 449 (MSO) 1952," katanya.